



MAJLIS MESYUARAT NEGARA

**PENYATA RASMI (HANSARD)
MESYUARAT PERTAMA
DARI MUSIM PERMESYUARATAN KE-21**

**HARI RABU
27 SYAABAN 1446
BERSAMAAN 26 FEBRUARI 2025
(HARI PERTAMA)**

DEWAN MAJLIS

Hari Rabu, 27 Syaaban 1446 / 26 Februari 2025

**YANG DI-PERTUA
DAN AHLI-AHLI MAJLIS
MESYUARAT NEGARA**

HADIR:**YANG DI-PERTUA:**

Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Seri Lela Dato Seri Setia Awang Haji Abdul Rahman bin Dato Setia Haji Mohamed Taib, P.S.N.B., S.L.J., P.H.B.S., P.J.K., P.K.L., Yang Di-Pertua Majlis Mesyuarat Negara, Negara Brunei Darussalam.

**AHLI RASMI KERANA JAWATAN
(PERDANA MENTERI DAN
MENTERI-MENTERI):**

Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddien Sa'adul Khairi Waddien, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam, Perdana Menteri, Menteri Pertahanan, Menteri Kewangan dan Ekonomi dan Menteri Hal Ehwal Luar Negeri, Negara Brunei Darussalam.

Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Muda Mahkota Pengiran Muda Haji Al-Muhtadee Billah ibni Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah, D.K.M.B., D.P.K.T., King Abdul Aziz Ribbon, First Class (Saudi Arabia), The Order of the Renaissance (First Degree) (Jordan), Grand Cross of Crown Order- G.K.K., (Netherlands), Medal of Honour (Lao), DSO (Singapore), Order of Lakandula With The Rank of Grand Cross (Philippines), The Order of Prince Yaroslav the Wise, Second Class (Ukraine), Darjah Kerabat Johor Yang Amat Dihormati Pangkat Pertama (Johor), DSO (Military) (Singapore), P.H.B.S., Menteri Kanan di Jabatan Perdana Menteri, Negara Brunei Darussalam.

Yang Berhormat Pehin Udana Khatib Dato Paduka Seri Setia Ustaz Haji Awang Badaruddin bin Pengarah Dato Paduka Haji Awang Othman, P.S.S.U.B., D.P.M.B., P.H.B.S., P.B.L.I., P.J.K., P.K.L., Menteri Hal Ehwal Ugama, Negara Brunei Darussalam.

Yang Berhormat Dato Seri Setia Dr. Awang Haji Mohammad Isham bin Haji Jaafar, P.S.N.B., D.P.M.B., Menteri Kesihatan, Negara Brunei Darussalam.

Yang Berhormat Dato Seri Setia Dr. Awang Haji Mohd. Amin Liew bin Abdullah, P.S.N.B., S.P.M.B., Menteri di Jabatan Perdana Menteri dan Menteri Kewangan dan Ekonomi II, Negara Brunei Darussalam.

Yang Berhormat Dato Seri Setia Awang Haji Erywan bin Pehin Datu Pekerma Jaya Haji Mohd. Yusof, P.S.N.B., S.P.M.B., P.J.K., P.I.K.B., Menteri Hal Ehwal Luar Negeri II, Negara Brunei Darussalam.

Yang Berhormat Dato Seri Setia Awang Haji Ahmaddin bin Haji Abdul Rahman, P.S.N.B., S.P.M.B., P.S.B., P.I.K.B., Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri, Negara Brunei Darussalam.

Yang Berhormat Dato Seri Setia Dr. Awang Haji Abd. Manaf bin Haji Metussin, P.S.N.B., S.P.M.B., S.N.B., S.M.B., P.S.B., P.K.L., Menteri Sumber-Sumber Utama dan Pelancongan, Negara Brunei Darussalam.

Yang Berhormat Dato Seri Setia Awang Haji Muhammad Juanda bin Haji Abd. Rashid, P.S.N.B., D.P.M.B., P.I.K.B., Menteri Pembangunan, Negara Brunei Darussalam.

Yang Berhormat Datin Seri Setia Dr. Dayang Hajah Romaizah binti Haji Md. Salleh, P.S.N.B., S.P.M.B., P.I.K.B., P.K.L., Menteri Pendidikan, Negara Brunei Darussalam.

Yang Berhormat Pengiran Dato Seri Setia Shamhary bin Pengiran Dato Paduka Haji Mustapha, P.S.N.B., P.S.B., Menteri Pengangkutan dan Infokomunikasi, Negara Brunei Darussalam.

Yang Berhormat Dato Seri Setia Haji Awang Nazmi bin Haji Awang Mohamad, P.S.N.B., S.M.B., P.I.K.B., Menteri Kebudayaan, Belia dan Sukan, Negara Brunei Darussalam.

AHLI YANG DILANTIK ORANG-ORANG YANG BERGELAR:

Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Johan Pahlawan Dato Seri Setia Awang Haji Adanan bin Begawan Pehin Siraja Khatib Dato Seri Setia Haji Md. Yusof, P.S.N.B., D.P.M.B., P.H.B.S., P.J.K., P.I.K.B., P.K.L.

Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Laila Setia Dato Seri Setia Awang Haji Abd. Rahman bin Haji Ibrahim, P.S.N.B., D.P.M.B., P.H.B.S., P.I.K.B., P.K.L.

Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Indera Pahlawan Dato Seri Setia Awang Haji Suyoi bin Haji Osman, P.S.N.B., D.P.M.B., P.J.K., P.I.K.B., P.K.L.

AHLI YANG DILANTIK ORANG-ORANG YANG TELAH MENCAPAI KECEMERLANGAN:

Yang Berhormat Dayang Hajah Safiah binti Sheikh Haji Abd. Salam, S.U.B., P.I.K.B., P.K.L.

Yang Berhormat Awang Lau How Teck, P.S.B.

Yang Berhormat Dayang Chong Chin Yee, P.I.K.B.

Yang Berhormat Dr. Awang Haji Mahali bin Haji Momin, S.M.B., P.I.K.B., P.K.L.

Yang Berhormat Awang Haji Salleh Bostaman bin Haji Zainal Abidin, S.N.B., S.M.B., P.I.K.B.

Yang Berhormat Dayang Hajah Rosmawatty binti Haji Abdul Mumin, S.M.B., P.S.B.

Yang Berhormat Pengiran Haji Isa bin Pengiran Haji Aliuddin, P.I.K.B.

AHLI YANG DILANTIK MEWAKILI DAERAH-DAERAH:

Yang Berhormat Awang Amran bin Haji Maidin, P.I.K.B., P.K.L., Penghulu Mukim Lumapas -Daerah Brunei dan Muara.

Yang Berhormat Awang Lawi bin Haji Lamat, P.K.L., Ketua Kampung Subok - Daerah Brunei dan Muara.

Yang Berhormat Awang Zainol bin Haji Mohamed, Ketua Kampung Putat - Daerah Brunei dan Muara.

Yang Berhormat Awang Mohamad Ali bin Tanjong, P.K.L., Ketua Kampung Lumapas 'B' – Daerah Brunei dan Muara.

Yang Berhormat Awang Haji Daud bin Jihan, P.I.K.B., P.K.L., Ketua Kampung Belimbing – Daerah Brunei dan Muara.

Yang Berhormat Awang Haji Md. Salleh bin Haji Othman, P.I.K.B., Penghulu Mukim Bukit Sawat – Daerah Belait.

Yang Berhormat Awang Mohammad bin Abdullah @ Lim Swee Ann, Ketua Kampung Bukit Sawat – Daerah Belait.

Yang Berhormat Awang Haji Mohamad Danial @ Tekpin bin Ya'akub, P.I.K.B., Penghulu Mukim Ukong – Daerah Tutong.

Yang Berhormat Awang Abdul Aziz bin Haji Hamdan, Ketua Kampung Sengkarai – Daerah Tutong.

Yang Berhormat Haji Awang Sulaiman bin Haji Nasir, P.S.B., P.I.K.B., P.K.L.P., Ketua Kampung Labu Estet dan Piasau-Piasau – Daerah Temburong.

TIDAK HADIR:

Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Laila Setia Bakti Di-Raja Dato Laila Utama Haji Awang Isa bin Pehin Datu Perdana Manteri Dato Laila Utama Haji Awang Ibrahim, D.K., S.P.M.B., D.S.N.B., P.H.B.S., P.B.L.I., P.J.K., P.K.L., Penasihat Khas Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam dan Menteri di Jabatan Perdana Menteri, Negara Brunei Darussalam. (Tidak hadir atas makluman kurang sihat).

Yang Berhormat Pehin Datu Lailaraja Mejar Jeneral (B) Dato Paduka Seri Haji Awang Halbi bin Haji Mohd. Yussof, D.P.K.T., S.M.B., P.H.B.S., Menteri di Jabatan Perdana Menteri dan Menteri Pertahanan II, Negara Brunei Darussalam. (Tidak hadir atas urusan rasmi).

HADIR BERSAMA:

Yang Mulia Dr. Dayang Hajah Huraini binti Pehin Orang Kaya Setia Jaya Dato Paduka Awang Haji Hurairah, P.S.B., P.I.K.B., P.K.L., Jurutulis Majlis Mesyuarat Negara, Negara Brunei Darussalam.

Yang Mulia Pengiran Hajah Zaidah binti Pengiran Haji Petra, Pemangku Timbalan Jurutulis Majlis Mesyuarat Negara, Negara Brunei Darussalam.

(Mesyuarat mula bersidang pada pukul 10.00 pagi)

Yang Mulia Jurutulis: Bismillahir Rahmanir Rahim. Mesyuarat Pertama dari Musim Permesyuaratan Ke-21 Majlis Mesyuarat Negara bersidang pada hari ini, Rabu, 27 Syaaban 1446 bersamaan 26 Februari 2025, didahului dengan Doa Selamat.

DOA SELAMAT

(Doa Selamat dibacakan oleh Yang Dimuliakan Pehin Khatib Dato Paduka Awang Haji Mustapa bin Haji Murat, Imam Jame' Asr Hassanil Bolkiah)

Yang Berhormat Yang Di-Pertua:

Bismillahir Rahmanir Rahim. Assalamualaikum Warrahmatullahi Taala Wabarakatuh. Alhamdulillah, kita bersyukur ke hadrat Allah Subhanahu Wataala kerana dengan limpah rahmat dan izin-Nya jua, maka kita dapat bersama-sama hadir pada pagi ini dalam Mesyuarat Pertama dari Musim Permesyuaratan Ke-21 Majlis Mesyuarat Negara.

Selawat serta salam ke atas Junjungan Besar kita Nabi Muhammad Sallallahu Alaihi Wassalam, kaum kerabat para sahabat serta pengikut-pengikut Baginda yang taat lagi setia hingga ke akhir zaman.

Ahli-Ahli Yang Berhormat. Persidangan pada pagi ini adalah sungguh signifikan dan penuh gemilang kerana pada hari ini Istiadat Pembukaan Rasmi Mesyuarat Pertama dari Musim Permesyuaratan Ke-21 Majlis Mesyuarat Negara akan dirasmikan oleh Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanah Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddin Sa'adul Khairi Waddien, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam.

Ahli-Ahli Yang Berhormat. Di hadapan kita, ada urusan mesyuarat yang perlu kita selesaikan dahulu. Oleh yang demikian, saya cadangkan ada baiknya kita beralih untuk menyelesaikannya.

Yang Mulia Jurutulis: Membetulkan Minit Mesyuarat bagi Mesyuarat Pertama

dari Musim Permesyuaratan Ke-20 Majlis Mesyuarat Negara.

Yang Berhormat Yang Di-Pertua: Ahli-Ahli Yang Berhormat. Di hadapan kita sekarang adalah Minit Mesyuarat bagi Mesyuarat Pertama dari Musim Permesyuaratan Ke-20 Majlis Mesyuarat Negara yang telah pun dikelilingkan lebih awal kepada semua Ahli-Ahli Yang Berhormat.

Saya percaya Ahli-Ahli Yang Berhormat setentunya berkesempatan untuk meneliti minit mesyuarat tersebut. Maka saya sekarang ingin memberi peluang jika ada Ahli-Ahli Yang Berhormat yang ingin untuk memberikan pembetulan terhadap minit mesyuarat ini. Saya mempersilakan Ahli-Ahli Yang Berhormat yang ingin membuat kenyataan.

Nampaknya tidak ada Ahli-Ahli Yang Berhormat yang ingin untuk membuat sebarang kenyataan setakat ini, maka saya membuat kesimpulan bahawa Minit Mesyuarat bagi Mesyuarat Pertama dari Musim Permesyuaratan Ke-20 Majlis Mesyuarat Negara, adalah betul dan dengan itu kita luluskan.

Ahli-Ahli Yang Berhormat. Sebentar lagi Istiadat Pembukaan Rasmi bagi Mesyuarat Pertama dari Musim Permesyuaratan Ke-21 Majlis Mesyuarat Negara yang akan dirasmikan oleh Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddien Sa'adul

Khairi Waddien, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam.

Maka bagi membolehkan majlis ini untuk menjunjung keberangkatan Baginda ke majlis ini saya tangguhkan Persidangan Majlis Mesyuarat ini. Sekian Wabillahit Taufik Walhidayah Wassalamualaikum Warahmatullahi Ta'ala Wabarakatuh.

(Majlis Mesyuarat ditangguhkan)

TITAH

**KEBAWAH DULI YANG MAHA MULIA
PADUKA SERI BAGINDA SULTAN
HAJI HASSANAL BOLKIAH
MU'IZZADDIN WADDAULAH IBNI
AL-MARHUM SULTAN HAJI OMAR
'ALI SAIFUDDIEN SA'ADUL KHAIRI
WADDIEN, SULTAN DAN YANG
DI-PERTUAN NEGARA BRUNEI
DARUSSALAM SEMPENA ISTIADAT
PEMBUKAAN RASMI MESYUARAT
PERTAMA DARI MUSIM
PERMESYUARATAN KE-21 MAJLIS
MESYUARAT NEGARA PADA HARI
RABU, 27 SYAABAN 1446
BERSAMAAN 26 FEBRUARI 2025
BERTEMPAT DI BANGUNAN DEWAN
MAJLIS, JALAN DEWAN MAJLIS,
BANDAR SERI BEGAWAN, NEGARA
BRUNEI DARUSSALAM.**

Assalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh. Bismillahir Rahmanir Rahim.

Alhamdulillahirabbil alamin wabihi nasta'inu 'ala umuurid dunya waddiin, wasshalatu wassalamu 'ala asyrafil

anbiya-i wal mursalin wa 'ala alihi wa shohbihi ajma'in, wa ba'du.

Alhamdulillah, bersyukur kita ke hadrat Allah Subhanahu Wata'ala kerana dengan limpah izin-Nya jua, dapatlah kita sama-sama hadir di Majlis Persidangan yang mulia ini bagi Mesyuarat Pertama dari Musim Permesyuaratan Ke-21 Majlis Mesyuarat Negara.

Beta terlebih dahulu sukacita mengucapkan setinggi-tinggi penghargaan di atas komitmen yang telah ditunjukkan oleh Ahli-Ahli Yang Berhormat yang dilantik dalam usaha memajukan agenda pembangunan negara melalui sesi dialog, muzakarah dan lawatan kerja sebagai wadah penting bagi perkongsian pandangan diantara pihak Kerajaan dan Rakyat di negara ini.

Adalah jelas peranan Ahli-Ahli Majlis Mesyuarat Negara untuk membahaskan perkara-perkara utama, termasuk memberikan maklum balas terhadap setiap dasar Kerajaan supaya benar-benar menghasilkan impak positif terhadap kesejahteraan rakyat.

Kerana itu, integriti dan kewibawaan setiap Ahli Majlis adalah diukur pada kemampuan masing-masing untuk berfikir secara terbuka, berunding secara teratur dan bertindak proaktif demi kepentingan negara.

Melihat akan perkara ini, maka Beta telah memperkenalkan bagi perubahan terhadap kekerapan persidangan majlis

ini iaitu kepada dua kali setahun bemula tahun ini. Ini termasuk pengemaskinikan ke atas prosedur dan proses kerja menurut Peraturan Majlis Mesyuarat *Standing Orders* bagi setiap ahli untuk mempraktikkan sepenuhnya.

Dalam perkara berkaitan, Beta juga melihat akan keperluan bagi penggubalan Kod Etika Ahli-Ahli Majlis dalam melaksanakan tugas dengan lebih berkesan dan berintegriti tinggi.

Perubahan-perubahan ini akan mengukuhkan lagi keberkesanan persidangan majlis melalui perbincangan yang lebih teratur, fokus dan berkesinambungan serta mencerminkan kematangan dan profesionalisme Ahli-Ahli Yang Berhormat yang berkerjasama dengan Kerajaan menjaga kebajikan dan kesejahteraan rakyat di negara ini.

Selain itu, Beta juga memperkenankan bagi Kementerian Kesihatan untuk mengemaskini dasar caj perkhidmatan yang sedia ada bagi Penduduk Tetap yang tidak mempunyai taraf kewarganegaraan *stateless* untuk diberikan kemudahan perkhidmatan kesihatan sepertimana yang diberikan kepada warganegara Brunei Darussalam.

Berkaitan dengan ekonomi pula, usaha kita ke arah mempelbagaikan ekonomi juga sudah mula menunjukkan hasil yang memberangsangkan.

Sumbangan Keluaran Dalam Negara Kasar atau KDNK, bagi Sektor Bukan Minyak dan Gas telah menunjukkan

kemajuan yang ketara dari segi purata pertumbuhan sepanjang tempoh tahun 2017 sehingga 2023 iaitu sebanyak 4.3 peratus setahun. Peningkatan ini telah menyumbang kepada peningkatan eksport barangan negara termasuk pengeksportan produk-produk baharu dan juga penembusan ke pasaran baharu seperti ke Chile, Mozambique, Columbia, Peru dan Mexico.

Antara kemajuan yang dimaksudkan adalah di sektor hiliran minyak dan gas yang telah mengalami peningkatan yang luar biasa, dengan jumlah sumbangan KDNK pada harga tetap meningkat daripada BND136 juta pada tahun 2017 kepada BND1,241 juta pada tahun 2023. Apa yang jelas ialah Penubuhan industri petrokimia telah menghasilkan produk seperti petroleum, metanol dan urea telah menjadi pemacu utama.

Selain itu, sektor perkhidmatan juga mencatatkan peningkatan iaitu daripada BND1,485 juta pada tahun 2017 kepada BND1,721 juta pada tahun 2023, dengan purata peningkatan tahunan sebanyak 2.5 peratus, yang disumbangkan oleh aktiviti-aktiviti perdagangan dan perkhidmatan perniagaan.

Insyallah, kita akan terus memacu pertumbuhan ekonomi melalui aktiviti perekonomian baharu seperti pengeluaran *Petroleum Intermediate Derivatives* yang akan menjana aktiviti tambahan dalam sektor hiliran minyak dan gas: menjadikan negara sebagai hab bagi sektor kimia, pembuatan dan makanan, dan menerokai aktiviti

peralihan tenaga ke arah persekitaran yang mampan.

Di samping itu, di peringkat mikro pula, Kerajaan Beta akan terus berusaha dalam menggerakkan lebih banyak lagi aktiviti perekonomian dan pelancongan ke negara ini yang dapat mendatangkan kesan limpahan positif kepada peniaga-peniaga tempatan.

Namun demikian, kita tidak boleh berpuas hati. Ekonomi kita masih sahaja bergantung kepada minyak dan gas. Maka, kita perlu terus melakukan transformasi dalam meningkatkan produktiviti dan hasil negara merentasi sektor-sektor seperti pertanian, pengangkutan, pendidikan, kesihatan, pelancongan, keselamatan dan perkhidmatan awam serta industri-industri baharu dengan mengambil kira kepesatan teknologi.

Menyentuh tentang revolusi teknologi, khususnya kecerdasan Buatan atau *Artificial Intelligence*, ianya membuka peluang baharu yang memerlukan kita untuk terus memperkasa sumber manusia dan keupayaan negara.

Apa yang pasti, perjalanan menuju Wawasan Brunei 2035 memerlukan kerjasama, inovasi dan semangat juang yang tinggi dari semua pihak. Oleh yang demikian, setiap cadangan dan idea yang dikemukakan di Dewan ini adalah bernilai untuk diteliti dengan mengambil kira *emerging issues* di peringkat global untuk diambil tindakan oleh pihak-

pihak berkepentingan mengikut kesesuaiannya.

Sejajar dengan ini, Beta sentiasa mengharapkan agar persidangan majlis ini akan terus berunding dengan jujur, berfikiran kreatif dan bertindak strategik ke arah meraih masa depan gemilang negara kita.

Sekian, wabillahit Taufeq Walhidayah, Wassalamu 'Alaikum Warahmatullahi Wabarakatuh.

DOA SELAMAT

(Doa Selamat dibacakan oleh Yang Berhormat Pehin Datu Seri Maharaja Dato Paduka Seri Setia (Dr.) Ustaz Haji Awang Abdul Aziz bin Juned, Mufti Kerajaan, Negara Brunei Darussalam)

(Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddien Sa'adul Khairi Waddien, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam berangkat meninggalkan majlis diiringi oleh Yang Berhormat Yang Di-Pertua Majlis Mesyuarat Negara dan Pembesar-Pembesar Negara)

Yang Berhormat Yang Di-Pertua:
Bismillahir Rahmanir Rahim. Ahli-Ahli Yang Berhormat, Alhamdulillah, kita bersyukur ke hadrat Allah Subhanahu Wataala kerana dengan limpah, rahmat

dan izin-Nya juga, Istiadat Pembukaan Rasmi Mesyuarat Pertama dari Musim Permesyuaratan Ke-21, Majlis Mesyuarat Negara telah selesai dan sempurna dirasmikan oleh Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddien Sa'adul Khairi Waddien, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam, pada mana baginda telah mengurniakan titah.

Bagi membolehkan majlis ini untuk menjunjung keberangkatan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam dan seterusnya untuk bergambar ramai dengan Ahli-Ahli Yang Berhormat dan seterusnya untuk meninggalkan Bangunan Dewan Majlis maka saya tangguhkan Persidangan Majlis Mesyuarat Negara ini dan insya-Allah, kita akan bersidang semula pada esok hari, iaitu hari Khamis, 28hb. Syaaban 1446 bersamaan dengan 27hb. Februari 2025, mulai daripada pukul 9.30 pagi.

Sekian, Wabillahit Taufeq Walhidayah, Wassalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh.

(Majlis Mesyuarat ditangguhkan)